

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HMT329 - Analisis Kontrastif Bahasa-Bahasa di Malaysia
(*Contrastive Analysis of Languages in Malaysia*)

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan.

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Jawab mana-mana **ENAM [6]** soalan.
2. Setiap soalan bernilai **100** markah.
3. Jawapan hendaklah menggunakan **KERTAS JAWAPAN** yang disediakan.

1. Berdasarkan data bahasa Tagalog yang dituturkan di Sabah/Filipina dan bahasa Melayu standard yang berikut, buatlah satu perbandingan linguistik ; iaitu:

- morfologinya (pembinaan kata), dan
- sintaksisnya (pembinaan frasa dan ayat).

Bahasa Tagalog

Bahasa Melayu

- | | | | |
|-------|--|-------|-------------------|
| [i] | T-um-akbo si Ali.
AW-lari TOP Ali
'Ali lari.' | [i] | Si Ali lari. |
| [ii] | Mag-bili siya ng tinapay.
AW-beli dia TOP roti
'Dia membeli roti.' | [ii] | Dia membeli roti. |
| [iii] | Ibig namin iyon.
suka kami itu
'Kami suka itu.' | [iii] | Kami suka itu. |
| [iv] | May dalawang libro ang enstudyante.
Ada dua buku TOP pelajar
'Pelajar (itu) ada dua buah (buah) buku.' | | |
| [v] | Kabayo niya ito.
Rumah nya ini
'Ini rumahnya' | | |
| [vi] | Bahay ko ito.
Rumah saya ini
'Ini rumah saya.' | | |

(Kata kunci: AW = awalan, TOP= penanda topik)

2. Jawab [a] dan [b]:

[a] Nyatakan antara langkah-langkah yang perlu diambil untuk menentukan kekerabatan bahasa.

[b] Dengan menggunakan data bahasa Tagalog (TAG), bahasa Toba Batak (TB) dan bahasa Jawa (JW) di bawah, tentukan dalam bahasa tersebut:

[i] kekerabatannya, dan

[ii] inovasi seragamnya.

(Sila tunjukkan penggunaan kaedah kesepadanan bunyi dalam membuat rumusan anda).

	TAG	TB	JW	(glos dalam BM)
[i]	laꞑꞑit	laꞑit	laꞑit	langit
[ii]	limaꞑ	lima	lima	lima
[iii]	sabaꞑꞑ	sabaꞑ	tawaꞑ	cabang
[iv]	puꞑsod	pusor	puser	pusat
[v]	budboꞑd	bubur	bubur	bubur
[vi]	galiꞑs	garis	garis	garis/garu
[vii]	baꞑboi	babiꞑ	babiꞑ	babi
[viii]	tuboꞑ	tobu	tebu	tebu

(Sumber data: Dempwolff, 1934-38).

3. Jawab [a] dan [b]:

[a] Teliti data dialek Kantonis (Cina) dan data bahasa Melayu yang diberikan di bawah, kemudian jawab soalan yang berkenaan; (gunakan lambang N = Nama, Prt = partikel, Kj = kerja, Bil = bilangan, pen. bil = penjodoh bilangan, dan lain-lain sepertinya).

Bahasa Kantonis (Cina)

Bahasa Melayu

A. Berikan perbezaan/persamaan strukturnya:

- | | | |
|---------|---|---------------|
| [i] | yat gor yan
satu unit orang
'seorang' | seorang |
| [ii] | yat pa tou
satu bilah pisau
'sebilah pisau' | sebilah pisau |
| [iii] | yat pou shu
satu buah buku
'sebuah buku' | sebuah buku |

B. Berikan strukturnya:

- | | | |
|--------|--|-----------------------------|
| [i] | Ngo ge shu
saya punya buku
'Buku saya.' | buku saya. |
| [ii] | Ngo (hei) tong yan.
saya (ialah) Cina orang
'Saya orang Cina.' | Saya (ialah)
orang Cina. |

[b] Huraikan sistem logograf dalam tulisan bahasa Mandarin.

4. Jawab [a] dan [b]:

[a] Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai, nyatakan sistem sebutan dialek Kantonis (Cina) dengan sistem sebutan bahasa Mandarin.

- [b] Dengan ringkas dan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bandingkan cara intonasi menangani makna dalam bahasa Mandarin dan bahasa Melayu.
5. Jawab [a], [b] dan [c]:
- [a] Huraikan dengan contoh dua (2) pendekatan tipologi linguistik yang anda ketahui serta nyatakan kekuatan masing-masing.
- [b] Dengan menggunakan contoh-contoh daripada bahasa Melayu, dialek-dialeknya serta bahasa-bahasa yang berkerabat dengannya (serumpun), perlihatkan gejala-gejala persamaan linguistik (fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan lain-lain) sehingga ia dapat digunakan untuk mengumpulkan bahasa-bahasa sebagai tergolong ke dalam satu keluarga bahasa.
6. Dengan menggunakan contoh daripada bahasa yang anda ketahui, tulis nota pendek tentang tajuk-tajuk berikut:
- [a] Catatkan ciri-ciri utama bahasa berikut:
- **bahasa aglutinatif,**
 - **bahasa-bahasa berfleksi,**
 - dan **bahasa isolasi.**
- [b] *kesejagatan formal* dan *kesejagatan substantif,*
- [c] Dengan contoh-contoh daripada bahasa yang sesuai apakah maksud bahawa sesuatu bahasa itu SVO, SOV dan VSO?
7. Berdasarkan ***Hipotesis Transitiviti*** oleh Hopper dan Thomson (1980) terhadap beberapa bahasa di dunia, jawab [a] dan [b]:
- [a] berikan ciri-ciri utama hipotesis tersebut;
- [b] dengan contoh-contoh yang sesuai terutamanya data bahasa Melayu, huraikan komponen utama hipotesis berkenaan.

8. Dalam kesejagatan ***tak terhad*** dan ***kesejagatan implikasi***, terdapat tiga [3] parameter yang lazim digunakan, iaitu:

[i] urutan kata,

[ii] urutan N-A dan A - N; (N = Nama, A = ajektif),

[iii] urutan Rel-N dan N-Rel; (Rel = relatif, N = Nama).

Tunjukkan aplikasi setiap parameter di atas dalam data bahasa Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris anda sendiri.

--oo000oo--